



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,
Jalan Basco Keparang 1,
Basco Avenue@Keparang,
31400 Ipoh, Perak.

No Tel : +605 - 246 2100
Laman Web : <http://perak.anm.gov.my>

Ruj. Kami : JANM.PK.TM.600-1/Jld.3 (09)
Tarikh : 04 September 2025

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan/Dr,

JEMPUTAN PROGRAM GERAK KERJA PERALIHAN MEDIUM ROAMING ONE-TIME PASSWORD (OTP) iGFMS & ePEROLEHAN FASA 3

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan kerjasama Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dan Pasukan Projek MyGPKI, Jabatan Digital Negara akan mengadakan Gerak Kerja Peralihan Medium *Roaming OTP* iGFMS dan ePerolehan Fasa 3 bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) JANM Negeri Perak pada ketetapan yang berikut :

Tarikh : 17-18 September 2025 (Rabu dan Khamis)
Tempat : Makmal Komputer dan Dewan Muallim JANM Negeri Perak
Agenda : Rujuk lampiran A

Gerak kerja ini adalah sebagai persediaan bagi pelaksanaan Medium Roaming OTP iGFMS & ePerolehan bagi menggantikan penggunaan token.

3. Program Gerak Kerja adalah **bukan memberikan taklimat** tetapi fokusnya adalah membantu memberi latihan *hands-on/praktikal* kepada peserta yang hadir iaitu dengan memastikan peserta :

- a. Membuat permohonan sijil digital roaming OTP sehingga berjaya.
- b. Membuat pemasangan dan pendaftaran aplikasi MyGPKI Mobile.
- c. Menjawab pertanyaan dan kemusykilan sijil roaming OTP.

4. Pegawai dengan senario berikut dikehendaki hadir ke lokasi Gerak Kerja untuk tujuan penambahan medium roaming secara terus iaitu:

- a. Mempunyai token iaitu sama ada iGFMS sahaja, iGFMS & ePerolehan dan ePerolehan sahaja serta TIDAK menerima notifikasi pengesahan alamat emel pengguna dari Jabatan Digital Negara.
- b. Pegawai baharu melapor diri (tidak mempunyai token) dan ditugaskan membuat perakuan / transaksi di sistem iGFMS / ePerolehan.

5. Pegawai yang telah menerima emel dari JDN pada 21 Ogos 2025 dan **telah berjaya membuat permohonan Roaming OTP serta instalasi myGPKI apps mobile** tidak perlu hadir ke gerak kerja ini.

6. Jadual dan Agenda Program adalah seperti di Lampiran A dan Lampiran B. Semua peserta yang akan hadir hendaklah mengisi Borang Senarai Semak seperti di lampiran untuk dibawa bersama sesi gerak kerja ini.

7. PTJ dimohon untuk mengisi kehadiran dan memilih sesi gerak kerja di dalam pautan <https://forms.gle/kCQUjDDa8Jg9acmQA> yang disediakan selewat-lewatnya pada **09 September 2025 (Selasa) jam 2.00 petang**.

8. Kerjasama dan perhatian yang diberikan bagi menjayakan Gerak Kerja Peralihan Medium Roaming OTP amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

9. Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui talian berikut :

- i. Puan Noor Halimah binti Abdul Karim - 05-2462265
- ii. Puan Nur Harishah binti Mohd Noor - 05-2462144

10. Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORAKMAR BINTI HUSSIN A.M.P,C.A (M), CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak

No Telefon : 05- 2462100

Emel : pneg_prk@anm.gov.my

LAMPIRAN A

PROGRAM GERAK KERJA PERALIHAN MEDIUM ROAMING ONE - TIME PASSWORD (OTP) iGFMAS - ePEROLEHAN FASA 3

Hari Pertama & Kedua	
8.30 pagi - 9.00 pagi	Pendaftaran Peserta Taklimat Ringkas kepada pegawai bertugas (Jika perlu - Hari Pertama Sahaja) Pegawai bertugas iaitu BPTM, JANM, eP MOE, JDN, Pentadbir Sub Admin / Authorised Personnel GPKI dan Local Administrator Pejabat Perakaunan.
9.00 pagi – 4.30 petang	<i>Hands-on</i> (kehadiran peserta mengikut sesi) (Pegawai mempunyai token berperanan peraku I & II di iGFMAS dan meluluskan/ memperakukan/ mengesahkan transaksi di ePerolehan) iaitu : • Ambil gambar Muka Depan MyKad Pemilik dengan jelas dan tidak kabur (jika tidak membawa softcopy yang diminta) • Permohonan medium Roaming One-Time Password (OTP) dari notifikasi pengesahan Alamat e-mel pengguna. • Kemaskini Profil (Alamat Pejabat, No Telefon Bimbit & E-mel). • Pentadbir SAP / SA / AP GPKI membuat Pengesahan sijil roaming pengguna. • Certification Authority (CA) membuat kelulusan & jana Sijil Roaming. • Pengguna terima notifikasi penajaan sijil digital • Membuat pemasangan dan pendaftaran aplikasi MyGPKI Mobile • Sesi Soal Jawab.
5.00 petang	Bersurai

*PTJ hanya perlu hadir satu sesi mengikut jadual

LAMPIRAN B**Jadual Sesi Kehadiran Peserta**

Tarikh	Masa	Peserta
17 Sept 2025 (Rabu)	9.00 pagi – 11.00 pagi	Sesi 1
	11.00 pagi – 1.00 petang	Sesi 2
	2.30 petang – 4.30 petang	Sesi 3
18 Sept 2025 (Khamis)	9.00 pagi – 11.00 pagi	Sesi 4
	11.00 pagi – 1.00 petang	Sesi 5
	2.30 petang – 4.30 petang	Sesi 6

*PTJ hanya perlu hadir satu sesi mengikut jadual

**SENARAI SEMAK PESERTA
GERAK KERJA PERALIHAN MEDIUM
ROAMING OTP iGFMAS & ePerolehan**

No. Kad Pengenalan :

Nama Penuh :

Kementerian / Jabatan :

E-mel :

No telefon bimbit :

Pilihan Sistem ☐ iGFMAS ☐ ePerolehan

Peranan dalam Sistem (*Tanda mana yang berkaitan*)

☐ Peranan Authorised Personal (AP) MyGPKI

☐ Peranan iGFMAS

☐ Peranan ePerolehan

Token ☐ Ada ☐ Tidak

Kegunaan Urusetia

Senario (*Tanda mana yang berkaitan*)

- ☐ 1-Terima notifikasi emel
- ☐ 2-Pengguna tidak terima emel notifikasi dan ada token
- ☐ 3-Pengguna tambah medium
- ☐ 4-Pengguna baharu (tiada token)

☐ Stesen 1 ☐ Stesen 2 ☐ Stesen 3 ☐ Stesen 4

.....
.....
.....